



SIARAN MEDIA

UNIT PENYELARASAN LONJAKAN PRESTASI (PACU) PEJABAT PERDANA MENTERI

PROGRAM RANCAKKAN MADANI TERIMA SAMBUTAN LUAR BIASA, CATAT 502,804 PENGUNJUNG

UNTUK SIARAN SEGERA 8 DISEMBER 2025

Putrajaya, 8 Disember 2025 - Program Rancakkan MADANI Bersama Malaysiaku dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2025 (Program Rancakkan MADANI) telah menerima sambutan yang luar biasa apabila 502,804 orang pengunjung hadir sepanjang tiga hari penganjurannya mulai 5 hingga 7 Disember 2025 (Jumaat hingga Ahad) di Dataran Putrajaya, Putrajaya.

Program anjuran Pejabat Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Lonjakan Prestasi (PACU) dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini, turut merekodkan pelbagai pencapaian yang ketara termasuk kutipan jualan MADANI berjumlah RM2,150,608 yang merangkumi jualan Usahawan, jualan RAHMAH, Jualan Agro, Pesta Rasa @ Selera Malaysia, dan Trak Makanan. Manakala inisiatif Padanan Perniagaan mencatatkan nilai melebihi RM400,000.

Kaunter bayaran kompaun saman terpilih Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) masing-masing telah mencatat kutipan sebanyak RM98,330 dan RM36,143, menjadikan jumlah keseluruhan kutipan kompaun berjumlah RM134,473. Sementara itu, seramai 1,252 individu telah berjaya menerima surat tawaran pekerjaan melalui sesi temu duga terbuka yang dijalankan sepanjang program.

Program Rancangan MADANI telah disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dengan turut dihadiri kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan YAB Datuk Seri Fadillah bin Yusof; barisan Jemaah Menteri; Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Abdul Aziz; serta barisan kepimpinan tertinggi Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri.

Program Rancangan MADANI membawakan kira-kira 500 pengisian program merangkumi lapan segmen iaitu Belia MADANI, Kesejahteraan Rakyat MADANI, Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), Produk Rakyat MADANI, Ukhuwah Rakyat MADANI, Jualan MADANI, Tahun Melawat Malaysia 2026 dan Kepengerusian ASEAN dan Diplomasi MADANI.

Melalui program ini juga, Kerajaan turut melancarkan beberapa inisiatif baharu antaranya Sahabat Penggerak MADANI, Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) 3.0, Pekeliling ILTIZAM, Indeks Prestasi Perkhidmatan Awam (I-PPA), Modul Latihan ARPA serta Buku Malaysia Merdeka.

Dalam slot penyampaian ucap tama, YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa Program Rancangan MADANI adalah platform terbaik bagi rakyat menilai secara langsung pencapaian dan perkembangan inisiatif Kerajaan MADANI sepanjang tiga tahun ini. Beliau turut menekankan bahawa program ini membolehkan pelbagai perkhidmatan, manfaat dan inisiatif kerajaan disampaikan secara terus kepada rakyat di satu lokasi.

YAB Perdana Menteri turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen semua kementerian/agensi serta pihak yang menjadi nadi kejayaan penganjuran ini. Selain itu, sokongan padu rakyat yang hadir dalam jumlah memberangsangkan turut mencerminkan keyakinan dan komitmen rakyat bersama-sama Kerajaan dalam meneruskan agenda pembaharuan negara.